**PERBADANAN SUKAN SARAWAK**

**NOTIS SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:-

| NO. RUJ. SEBUTHARGA | TAJUK SEBUTHARGA | KATEGORI, KEPALA & SUB-KEPALA | JENIS TAWARAN | YURAN DOKUMEN (RM) | TARIKH, MASA DAN TAKLIMAT SEBUT HARGA | TARIKH TUTUP PENGAMBILAN / PENJUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA | TARIKH TUTUP DAN MASA PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SSC/Q/01/2023 | PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN DAN KEMUDAHAN SEKITAR FASILITI DI STADIUM TERTUTUP SIBU, SARAWAK BAGI TEMPOH SEMBILAN (9) BULAN [MAC-NOVEMBER] | UPKJ: BEKALAN DAN PERKHIDMATAN<br>Kategori: C<br>Kepala: VII<br>Sub-Kepala: 3(a)(i) dan 3(a)(ii) | TERBUKA | DIBAYAR DALAM BENTUK BANK DRAF/TUNAI/ *SARAWAKPAY* ATAS NAMA "PERBADANAN SUKAN SARAWAK"<br>RM50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN) | 31 JANUARI 2023 / SELASA / 10.30 PAGI / STADIUM TERTUTUP SIBU | 31 JANUARI 2023 - 07 FEBRUARI 2023<br>8.30pagi-01.00petang<br>2.00 petang-4.30 petang | 08 FEBRUARI 2023<br>SEBELUM<br>12.00 TENGAHARI |
| MAKLUMAT MENGENAI NOTIS SEBUTHARGA BOLEH DIPEROLEHI DI DALAM LAMAN WEB RASMI PERBADANAN SUKAN SARAWAK www.ssc16.gov.my | | | | | | | |

2. Hanya penyebutharga yang menghadiri **TAKLIMAT SEBUTHARGA & LAWATAN TAPAK (WAJIB)** sahaja yang dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **COP RASMI SYARIKAT** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.

3. Bayaran Yuran Dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk:

   a) **Draf Bank atau Tunai** yang dibayar atas nama **PERBADANAN SUKAN SARAWAK** untuk pembelian di Unit Akaun, Pusat Akuatik Pandelela Rinong, Petra Jaya, Kuching atau
   b) **E-Wallet SarawakPay** yang dibayar atas nama **PERBADANAN SUKAN SARAWAK** untuk pembelian di Pejabat Perbadanan Sukan Sarawak Zon Tengah d/a Stadium **Tertutup Sibu, Jalan Teng Chun Hua (Airport Lama), 96000 Sibu, Sarawak.**

4. Contoh Dokumen Sebut Harga *(Dokumen Meja Sebut Harga)* boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **31 Januari 2023 hingga 07 Februari 2023** di **Unit Akaun, Pusat Akuatik Pandelela Rinong, Petra Jaya, Kuching atau Pejabat Perbadanan Sukan Sarawak Zon Tengah d/a Stadium Tertutup Sibu, Jalan Teng Chun Hua (Airport Lama), 96000 Sibu, Sarawak.**

5. Penyebutharga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen sebutharga lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen sebutharga pada hari sebutharga ditutup.

6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup sebutharga.

7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyebut harga lewat untuk mengemukakan dokumen sebut harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.

8. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Sebut Harga** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

**Pengerusi**
**c/o Jawatankuasa Sebut Harga**
**Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**
**Tingkat 2, Stadium Sarawak**
**Jalan Stadium, Petra Jaya**
**93050, Kuching, Sarawak**

9. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

10. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**AWANG PUTRAYUSRIE BIN HJ. AWANG REDZUAN**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak